

11 AUG 2002

India-Pelaburan/I

ANDHRA PRADESH JEMPUT PELABUR MALAYSIA MELABUR

KUALA LUMPUR, 11 Ogos (Bernama) -- Andhra Pradesh, sebuah negeri di selatan India hari ini menjemput pelabur Malaysia untuk melabur dalam pelbagai bidang seperti Teknologi Maklumat (IT), farmaseutik dan Bioteknologi di negeri itu.

Ketua Menterinya N. Chandrababu Naidu berkata peluang juga terbuka dalam bidang seperti pelancongan, perumahan dan pembangunan infrastruktur.

"Kami memerlukan rakan baik...kami sedang mempromosikan negeri kami," katanya kepada pemberita selepas berjumpa dengan masyarakat Telegu di bangunan Pesuruhjaya Tinggi India di sini.

Chandrababu Naidu yang terkenal di India sebagai penggerak IT tiba di sini hari ini untuk lawatan dua hari bagi menarik pelaburan dan kerjasama ekonomi.

Menurut beliau, Andhra Pradesh telah mewujudkan beberapa zon ekonomi khas yang menawarkan pelagai insentif kepada pelabur asing.

Chandrababu berkata sebuah bandar farmasi telah diwujudkan di kawasan seluas 5,000 hektar yang mempunyai hubungan dengan tiga pelabuhan termasuk limbungan kapal terbesar India, Visakhapatnam.

Beliau berkata perhatian khusus telah diberikan kepada pembangunan IT dan negeri itu mencapai kemajuan memberangsangkan dalam bidang itu.

Chandrababu dijadual bertemu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Kerjaraya Datuk Seri S. Samy Vellu serta melawat Perbadanan Pembangunan Multimedia di Cyberjaya esok.

Kini beberapa syarikat Malaysia terlibat dalam projek pembinaan jalan raya di Andhra Pradesh.

Andhra Pradesh yang seluas 275,608 km persegi mempunyai 70 juta penduduk. Aktiviti ekonomi utamanya ialah penanaman padi, tebu, kacang tanah dan industri kapas.

-- BERNAMA

RV HS HM